

# Bauksit kena sita SPRM dianggar RM1.289 bilion

➔ Nilai mungkin lebih tinggi berdasar harga mampu cecah RM171 satu tan

Oleh Amin Ridzuan Ishak  
aminridzuan@bh.com.my

► Kuantan

**S**ebanyak 10 juta tan simpanan bauksit yang disita Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di daerah ini, kelmarin, dianggarkan bernilai AS\$300 juta atau RM1.289 bilion.

Naib Presiden Pertubuhan Pengusaha Mineral Negeri Pahang (PPMNP), Yap Soon Huat, berkata anggaran itu berdasarkan purata harga pasaran semasa bauksit yang dieksport ke China iaitu AS\$30 (RM128) satu tan.

Bagaimanapun, beliau tidak menolak kemungkinan nilainya lebih tinggi kerana harga bahan mineral itu boleh mencecah AS\$40 (RM171) satu tan untuk bauksit gred tinggi.

Bauksit gred lebih rendah berharga sekitar AS\$25 (RM107) setiap tan.

"Saya terkejut apabila dimaklumkan ada 10 juta tan bauksit disita SPRM kerana aktiviti perlombongan bauksit sudah berkurangan selepas kerajaan menguatkuasakan moratorium... tidak pasti pula kalau ia berkaitan dengan perlombongan haram.

"Ia mengejutkan kerana pada tahun lalu rekod pengeksportan bauksit kita sekitar lima hingga enam juta tan kerana ada moratorium dan hanya segelintir pelombong diberikan kebenaran mengeksportnya bagi tujuan pembersihan.

"Pada tahun 2015, eksport bauksit adalah 25 juta tan yang diketahui mencatat sebagai jumlah eksport paling tinggi di dunia selepas Indonesia menghentikan aktiviti perlombongannya dan sebab itu saya terkejut apabila ada 10 juta tan bauksit lagi sekarang (berikutan masih dalam tempoh moratorium)," katanya ketika dihubungi, semalam.

## 10 tan bauksit disita

Kelmarin, SPRM mengumumkan penyitaan 10 juta tan simpanan bauksit bagi menghalang bahan mineral itu dijual dan membantu menjalankan siasatan terhadap isu perlombongan haram seperti didedahkan *BH* pada 2 Ogos lalu.

SPRM juga mencadangkan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar mengkaji semula pengeluaran permit kelulusan (AP) kepada pengusaha lombong bauksit serta membatalkan semua AP dikeluarkan sebelum ini.

*BH* dalam laporan muka depannya pada 2 Ogos lalu mendedahkan pelombong bauksit di Kuantan kembali melakukan kegiatan itu secara haram dengan alasan mengeluarkan stok sedia ada walaupun tempoh moratorium masih berkuat kuasa.

Susulan itu, SPRM melancarkan operasi dan menahan seorang pegawai kanan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) serta sepuluh kakitangan Pejabat

Tanah dan Galian (PTG) Pahang kerana disyaki bersekongkol dalam kegiatan perlombongan bauksit secara haram itu.

Sehingga semalam, hanya seorang kakitangan PTG Pahang masih direman bagi membantu siasatan manakala yang lain sudah dibebaskan.

## Bukti perlombongan haram

Mengikut maklumat diperoleh daripada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, ketika moratorium dilaksanakan, simpanan bauksit berjumlah 5.4 juta tan, tetapi sehingga 8 Jun lalu, sejumlah 5.8 juta tan bauksit sudah dieksport melalui Pelabuhan Kuantan dan Kemaman, Terengganu.

Ia jelas menunjukkan kegiatan perlombongan haram masih berterusan walaupun selepas moratorium dilaksanakan bagi membersihkan persekitaran beberapa lokasi di Kuantan yang tercemar akibat debu bauksit.

Sementara itu, Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yakob, akur dengan tindakan SPRM menyita 10 juta tan simpanan bauksit di negeri ini bagi menyiasat kegiatan perlombongan haram bahan mineral itu.

Katanya, SPRM mempunyai alasan apabila melaksanakan tindakan itu dan mencari jalan untuk mengatasinya.

"SPRM ada sebab dan alasan tertentu... mereka dapat maklumat dan tentukan kaedah untuk atasi masalah itu dengan cara ini (menyita simpanan bauksit). Kita kena akur," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Jentera Pilihan Raya Pemuda UMNO Pahang di sini, semalam.